

NO.SIRI:
Untuk kegunaan MPAG

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH



DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

TAJUK PERKHIDMATAN:

**PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES
UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
BAGI TAHUN 2024**

NO. SEBUT HARGA: MPAG/SH(B)/10/2024

1.	NAMA SYARIKAT	
2.	NO. TELEFON	
3.	NO. RESIT PEMBELIAN DOKUMEN	

PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2024

ITEM	KANDUNGAN
1.	SENARAI SEMAK
2.	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA (LAMPIRAN A)
3.	SYARAT – SYARAT SEBUT HARGA (LAMPIRAN B)
4.	BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q)
5.	JADUAL KADAR HARGA (LAMPIRAN C)
6.	MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA (LAMPIRAN D)
7.	SURAT AKAUN PENYEBUT HARGA (LAMPIRAN E)
8.	SURAT AKUAN PEMBIDA (LAMPIRAN F)

**SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sila tandakan / bagi dokumen-dokumen **WAJIB** yang perlu disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Ringkasan Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tarikh penyempurnaan), ditandatangani dan Cop Syarikat (Lampiran Q)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Jadual Kadar Harga (Lampiran C)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga (Lampiran D) <i>(Sila Lampirkan Profail Syarikat – sekiranya ada)</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Surat Akuan Penyebut Harga (Lampiran E)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Surat Akuan Pembida (Lampiran F)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir yang disahkan oleh pegawai bank	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Kontraktor:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuai bagi perkara bil.(jika ada)

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

DOKUMEN MEJA TERKAWAL



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
NOTIS SEBUT HARGA BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan, sama ada bertaraf Bumiputera dan masih sah tempohnya serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut :-

KETERANGAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN / KOD BIDANG & TARAF	TARIKH DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN	TEMPAT, TARIKH DAN WAKTU SEBUT HARGA DITUTUP
<p><u>MPAG/SH(B)/09/2024</u></p> <p>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN KAWASAN, SAPUAN HARIAN, PEMBERSIHAN TANDAS, PEMOTONGAN RUMPUT, PEMBERSIHAN LONGKANG SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI KAWASAN JETI PAYA LEBAR DAN TAMAN LOKAN.</p>	<p><u>Kod Bidang:</u></p> <p>221002 - Membersih kawasan</p> <p><u>Taraf:</u> Bumiputera / Bukan Bumiputera</p>	<p><u>Tarikh Dokumen Dijual:</u></p> <p>4 Julai 2024 (Khamis) Sehingga</p> <p>9 Julai 2024 (Selasa)</p>	<p><u>Harga Dokumen:</u></p> <p>RM 10.00 Tidak akan dikembalikan</p>	<p><u>Tempat:</u></p> <p>Peti Tawaran, Unit Perolehan, Tingkat 2, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Lebu AMJ, Alor Gajah, Melaka.</p> <p><u>Tarikh Sebut Harga Ditutup:</u></p> <p>10 Julai 2024 (Rabu)</p>
<p><u>MPAG/SH(B)/10/2024</u></p> <p>PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2024</p>	<p><u>Kod Bidang:</u></p> <p>221607 - Cetakan Keselamatan</p> <p><u>Taraf:</u> Bumiputera / Bukan Bumiputera</p>			<p><u>Waktu Sebut Harga Ditutup:</u></p> <p>12.00 tengah hari</p>

1. Dokumen sebut harga **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>. Sebut harga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya syarikat membuat salinan pendua daripada dokumen sebut harga yang asal.

1. MENDAFTAR DI STOM



<https://stom.melaka.gov.my>

2. CIPTA AKAUN DI PORTAL E-BAYAR



<https://ebayar.melaka.gov.my>

3. BACA DAN FAHAMI MANUAL SISTEM STOM



<https://stom.melaka.gov.my/docs>

2. Pihak ~~Kontraktor~~ / Pembekal / Syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak **RM50.00 setahun** dan membuat **pembelian sebut harga secara atas talian**.
3. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM50.00** bagi kategori **bekalan & perkhidmatan** dengan **mengemukakan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat**.
4. Bagi syarikat yang **telah berdaftar sebagai pembekal MPAG**, perlulah memastikan pendaftaran syarikat kekal aktif dan telah diperbaharui sebelum membeli dokumen sebut harga. Kadar yuran pembaharuan pendaftaran adalah sebanyak **RM 30.00 setahun**.
5. Bagi sebarang urusan **pendaftaran** atau **pembaharuan pendaftaran syarikat dengan MPAG**, hendaklah dilakukan secara atas talian melalui **Sistem eSyarikat** yang boleh dicapai melalui alamat <http://portal.mpag.gov.my/esyarikat>
6. Sila lampirkan resit pembelian dokumen sebut harga dan dikepilkan bersama dokumen sebut harga.
7. Majlis tidak terikat untuk menerima sebut harga dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
LEBUH AMJ, 78000 ALOR GAJAH, MELAKA**

Tarikh : 2 JULAI 2024

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan jawatankuasa sebut harga adalah muktamad.

2. CARA – CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Syarikat adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya :-

- a) Tandatangan dan cop syarikat di Senarai Semakan.
- b) Butir – butir Spesifikasi (Lampiran B)
- c) Harga, tandatangan dan cop syarikat di Borang Sebut Harga. (Lampiran Q)
- d) Jadual Kadar Harga. (Lampiran C)
- e) Maklumat Latar Belakang Penyebut Harga (Lampiran D)
- f) Surat Akuan Penyebut Harga (Lampiran E)
- g) Surat Akuan Pembida (Lampiran F)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas syarikat hendaklah mendatangi ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan nombor sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup sebut harga.
- b) Jika dokumen sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- d) Pihak MPAG berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

JADUAL SPESIFIKASI

**PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON
LETAK KERETA JENIS BERGORES UNTUK
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2024**

Penyebut Harga perlu menjawab semua cadangan spesifikasi pada ruangan Spesifikasi Penyebut Harga yang disediakan. Kegagalan Penyebut Harga untuk menjawab setiap cadangan spesifikasi yang berkaitan akan menyebabkan dokumen Penyebut Harga ditolak. Sila gunakan lampiran tambahan jika ruangan Spesifikasi Penyebut Harga tidak mencukupi.

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI/TEKNIKAL	PEMATUHAN (Y / T)	CADANGAN / ULASAN
1.	Kupon Tempat Letak Kereta (Rujuk Contoh Kupon di Lampiran C1)		
1.1	Kertas berkilat saiz 76mm x 203mm atau bersesuaian dengan saiz kupon tempat letak kereta		Nyatakan Saiz kupon:
1.2	Kerja seni reka bentuk (<i>artwork design</i>) & pemprosesan filem		
1.3	Logo MPAG dengan <i>watermark</i>		
1.4	Percetakan warna depan & belakang		
1.5	Bahan (<i>material</i>) jenis <i>Artpaper</i> atau setaraf dengannya		Nyatakan Jenis bahan:
1.6	Bahan gores pada kupon hendak tahan lasak & kalis air		
1.7	Nombor siri kupon tempat letak kereta hendaklah mengikut turutan pada setiap kupon yang dicetak		
1.8	Mempunyai ciri-ciri keselamatan khas		Nyatakan Ciri-Ciri Keselamatan Khas: 1. 2. 3.
1.9	Tempoh sah kupon adalah 3 tahun bermula tahun 2024 tahun tahun atau pencetakan		

Penyebut Harga perlu menjawab semua cadangan spesifikasi pada ruangan Spesifikasi Penyebut Harga yang disediakan. Kegagalan Penyebut Harga untuk menjawab setiap cadangan spesifikasi yang berkaitan akan menyebabkan dokumen Penyebut Harga ditolak. Sila gunakan lampiran tambahan jika ruangan Spesifikasi Penyebut Harga tidak mencukupi.

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI/TEKNIKAL	PEMATUHAN (Y / T)	CADANGAN / ULASAN
1	1.10	1 buku kupon mempunyai 10 keping kupon dengan nilai muka dan 1 keping muka depan bertingkap untuk nombor siri kupon	
	1.11	1 kotak kupon bersamaan 250 buku kupon	
	1.12	Kupon tamat tempoh atau kesilapan percetakan tidak boleh dihantar atau diserahkan pada MPAG	
	1.13	Melampirkan katalog, sampel kertas kupon atau contoh kupon tempat letak kereta yang pernah dikeluarkan oleh syarikat pembekal	<u>Nyatakan</u> - Katalog - Contoh kupon
2	Pesanan dan Penghantaran Bekalan		
	2.1	Sebagaimana jumlah Pesanan Kerajaan (<i>Local Order</i>)	
	2.2	Penghantaran bekalan adalah selepas Pesanan Kerajaan dikeluarkan	
	2.3	Penghantaran bekalan adalah dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pesanan Kerajaan	<u>Nyatakan</u> Tempoh penghantaran bekalan: ____hari
	2.4	Sekiranya terdapat kelewatan penghantaran, pihak pembekal perlu memaklumkan melalui surat atau notis kepada MPAG. MPAG boleh menerima bekalan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada pembekal dengan kadar RM40.00/hari.	

Penyebutharga perlu menjawab semua cadangan spesifikasi pada ruangan Spesifikasi Penyebut Harga yang disediakan. Kegagalan Penyebutharga untuk menjawab setiap cadangan spesifikasi yang berkaitan akan menyebabkan dokumen Penyebutharga ditolak. Sila gunakan lampiran tambahan jika ruangan Spesifikasi Penyebut Harga tidak mencukupi

BIL	KEPERLUAN SPESIFIKASI/TEKNIKAL	PEMATUHAN (Y / T)	CADANGAN / ULASAN
2.5	Penghantaran bekalan kepada MPAG mengikut kuantiti Pesanan Kerajaan atau sekurang – kurangnya 12,500 buku setiap pesanan untuk tiga kali bekalan.		<u>Nyatakan</u> Kuantiti penghantaran minima bekalan : _____ buku
2.6	Pihak MPAG berhak untuk membuat pesanan berdasarkan keperluan semasa tanpa terikat kepada <i>Minimum Order Quantity</i> (MOQ) dari pihak pembekal.		

*Sekiranya pihak pembekal TIDAK PATUH kepada keperluan spesifikasi / teknikal di atas, sila nyatakan cadangan atau ulasan kepada perkara berkaitan.

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

For Reference Only
Numbering refer
to actual order

FRONT

BACK

No Siri: 00001



MAJLIS PERBANDARAN
ALOR GAJAH

P KUPON LETAK KERETA
PARKING COUPON
RM0.60 / sejam

- Semak kupon sebelum menggunakannya.
- Kupon-kupon hanya sah digunakan di semua petak-petak letak kereta terbuka di kawasan Pentadbiran MPAG.
- Kupon yang rosak, cacat atau diubahsuai tidak sah digunakan.
- Sila rujuk pada papan kenyataan untuk mengetahui jadual operasi dan waktu bayaran semasa.
- Setiap kupon mesti dipamerkan dengan jelas dan tersusun di atas dashboard kenderaan.
- MPAG tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan pada kenderaan anda semasa berada di dalam kawasan tempat letak kereta.
- Kupon yang telah dibeli tidak boleh dikembalikan dan sebarang tuntutan tidak akan dilayan.

Bahagian Berlubang



MASA OPERASI (MASA PAMER KUPON)
ISNIN - AHAD
9.00 pagi - 5.00 petang

RM6.00
untuk 10 keping kupon

ALOR GAJAH
DINAMIK - PROGRESIF - HOLISTIK

Anda akan di kompaun jika gagal mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah:

Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat-Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Alor Gajah 2007

1. Meletak kereta tanpa mempamer kupon letak kereta.
2. Mempamerkan kupon letak kereta yang tidak digores pada Tahun/Bulan/Hari/Jam/Minit.
3. Mempamerkan kupon letak kereta tidak menepati masa/telah tamat tempoh/terpakal.
4. Mempamerkan kupon letak kereta di dalam kenderaan yang tidak dapat dikenalpasti atau tidak sah oleh Pembantu Penguatkuasa untuk pemeriksaan.
5. Mempamerkan kupon letak kereta selain kupon sah Majlis Perbandaran Alor Gajah.
6. Meletak kenderaan di tempat letak kereta yang telah digantung penggunaannya oleh Yang Dipertua, MPAG.
7. Menghalang tempat atau petak letak kereta.
8. Menggunakan petak letak kereta untuk aktiviti membaiki kenderaan.
9. Menggunakan petak letak kereta untuk aktiviti mencuci / membersihkan kenderaan.
10. Menggunakan petak letak kereta untuk aktiviti perniagaan / perletakkan barangan.

Bahagian Berlubang

11. Meletak kenderaan di tempat selain daripada tempat letak kereta disediakan.
12. Mengalih / membuang apa-apa tiket, resit atau notis yang diletak oleh Pembantu Penguatkuasa di kenderaan.
13. Meletak kenderaan di petak yang dikhaskan penggunaannya.
14. Gagal patuhi cara-cara meletak kenderaan yang disyaratkan.
15. Mempamerkan pelekat pas bulanan bebas / terhad yang telah tamat tempoh / tidak sah.

BEFORE SCRATCH

AFTER SCRATCH



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
KUPON LETAK KERETA PARKING COUPON

TAHUN YEAR 年份 வருடம்

MPAG 2024 AG MPAG 2025 AG MPAG 2026 AG

BULAN MONTH 月 மாதம்

JAN FEB MAC APR MEI JUN
JUL OGS SEP OKT NOV DIS

HARI DAY 日 நாள்

MPAG 1 AG MPAG 2 AG MPAG 3 AG MPAG 4 AG MPAG 5 AG MPAG 6 AG MPAG 7 AG
MPAG 8 AG MPAG 9 AG MPAG 10 AG MPAG 11 AG MPAG 12 AG MPAG 13 AG MPAG 14 AG
MPAG 15 AG MPAG 16 AG MPAG 17 AG MPAG 18 AG MPAG 19 AG MPAG 20 AG MPAG 21 AG
MPAG 22 AG MPAG 23 AG MPAG 24 AG MPAG 25 AG MPAG 26 AG MPAG 27 AG MPAG 28 AG
MPAG 29 AG MPAG 30 AG MPAG 31 AG

JAM HOUR 時 மணி MINIT MINUTE 分 நிமிடம்

MPAG AM MPAG 8 AG MPAG 9 AG MPAG 10 AG MPAG 11 AG MPAG 00 MPAG 05 MPAG 10
MPAG PM MPAG 12 AG MPAG 1 AG MPAG 2 AG MPAG 3 AG MPAG 15 MPAG 20 MPAG 25
MPAG 4 AG MPAG 5 AG MPAG 6 AG MPAG 7 AG MPAG 30 MPAG 35 MPAG 40
MPAG 45 MPAG 50 MPAG 55

Panduan :
Goreskan bahagian Tahun, Bulan, Hari, Jam dan Minit.
Pamerkan dengan jelas dan tersusun di 'Dashboard' kenderaan.

RM0.60
sejam



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
KUPON LETAK KERETA PARKING COUPON

TAHUN YEAR 年份 வருடம்

MPAG 2024 MPAG 2025 MPAG 2026

BULAN MONTH 月 மாதம்

JAN FEB MAC APR MEI JUN
JUL OGS SEP OKT NOV DIS

HARI DAY 日 நாள்

1 2 3 4 5 6 7
8 9 10 11 12 13 14
15 16 17 18 19 20 21
22 23 24 25 26 27 28

JAM HOUR 時 மணி MINIT MINUTE 分 நிமிடம்

MPAG AM MPAG 8 MPAG 9 MPAG 10 MPAG 11 MPAG 00 MPAG 05 MPAG 10
MPAG PM MPAG 12 MPAG 1 MPAG 2 MPAG 3 MPAG 15 MPAG 20 MPAG 25
MPAG 4 MPAG 5 MPAG 6 MPAG 7 MPAG 30 MPAG 35 MPAG 40
MPAG 45 MPAG 50 MPAG 55

Panduan :
Goreskan bahagian Tahun, Bulan, Hari, Jam dan Minit.
Pamerkan dengan jelas dan tersusun di 'Dashboard' kenderaan.

RM0.60
sejam

Glossy Wording

Random Printing Position For Security Line


MICRO TEXT



CONTOH

PANDUAN / GUIDE

1. Sila goreskan 5 bahagian bagi Tahun, Bulan, Hari, Jam dan Minit, kemudian pameran di atas 'Dashboard'.
2. Kesilapan menggores kupon ini dianggap batal dan boleh dikompaun.
1. Please scratch 5 sections for Year, Month, Day, Hour and Minute, thereafter display on the dashboard.
2. Any mistake in scratching the coupon can be considered invalid and can be compound.



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
KUPON KERTAS PARIWISATA
PARKIR / COUPON

TAHUN	YEAR	NO	ID
20	20		


BULAN	MO	TAHUN	NO	ID	
JAN	FEB	MAR	APR	MEI	JUN
JUL	AUG	SEPT	OKT	NOV	DIS

TAHUN	DAY	H	MINIT
9	2	5	7


Masa mula meletak kenderaan.

JAM	HOUR	FI	MINIT	MINUTE	SA	SA	
AM	8	9	10	11	00	05	10
PM	12	1	2	3	15	20	25
	4	5	6	7	30	35	40
					45	50	55

Panduan:
Goreskan bahagian Tahun, Bulan, Hari, Jam dan Minit.
Pamerkan dengan jelas dan terselesa di 'Dashboard' kenderaan.



T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA



T.T. PEMBUKA SEBUT HARGA

LAMPIRAN Q
(Kew 284-Pin 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
NEGERI MELAKA**

PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2024.

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada Penyebut Harga (Nama Syarikat): Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh:

.....
.....
.....

Unit Perotahan, Tingkat 2,
Majlis Perbandaran Alor Gajah
Alor Gajah,
78000 Melaka.

Nombor Telefon:.....

No. Telefon : 06-5562575

Nombor Pendaftaran dengan Kementerian

Tarikh :

Kewangan :.....

Kod bidang Pendaftaran yang relevan dengan perkhidmatan ini : **221607**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Arahan kepada Penyebut Harga seperti di Lampiran A.
- 1.2 Sebut harga hendaklah dimasukkan kedalam satu (1) sampul surat yang berlakri serta menulis No. Sebut Harga **MPAG/SH(B)/10/2024**
- 1.3 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat seperti yang dinyatakan dalam arahan kepada penyebut harga tidak lewat pada **jam 12.00 tengahari pada 10 Julai 2024.**
- 1.4 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Bil	Perihal bekalan/perkhidmatan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti	Kadar Seunit (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	<p>PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2024.</p> <p>Tawaran Harga hendaklah dilengkapkan dan jumlah tawaran adalah sama dengan Jadual Tawaran Harga seperti di Lampiran C.</p>	Buku	37,500		
JUMLAH TANPA CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)					

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih.

(ii) Bekalan/perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- a) Arahan kepada Penyebut Harga seperti di Lampiran A.
- b) Syarat-syarat dan Spesifikasi di Lampiran B.
- c) Ringkasan Sebut Harga seperti di Lampiran C.

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan

Penyebut Harga:

Nama dan No.K/P:.....

Alamat Syarikat:

Tarikh:.....

Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Barang-barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih meliputi semua kos perbelanjaan termasuk cukai-cukai yang berkaitan, pengangkutan, pemasangan, pembungkusan dan lain-lain. Harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM).

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir - butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) MPAG tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) MPAG adalah sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut;
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

(ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

(iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Alor Gajah terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

12. PERATURAN PEMBAYARAN

Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan pesanan yang dibuat dan setelah semua penghantaran selesai dan dalam keadaan sempurna. Bayaran akan dilaksanakan mengikut kuantiti yang dipesan berdasarkan Jadual Penghantaran.

Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

13. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

14. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

15. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

16. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

17. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

18. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

SYARAT-SYARAT WAJIB SEBUT HARGA

1. Bekalan kupon letak kereta MPAG hendaklah dihantar dalam tempoh **30 hari daripada tarikh Pesanan Kerajaan dikeluarkan.**
2. Merekabentuk *artwork design* bagi kupon letak kereta, menghantar pengesahan rekabentuk *artwork design* dan mendapatkan persetujuan MPAG sebelum kerja-kerja mencetak dijalankan.
3. Rekabentuk *artwork design* kupon letak kereta yang telah dipersetujui oleh MPAG adalah harta intelektual yang akan menjadi hak milik MPAG. Sebarang penggunaan bagi tujuan pemasaran atau komersial adalah di bawah kebenaran pihak MPAG.
4. Kualiti, bentuk, corak dan jenis kupon letak kereta yang dicetak hendaklah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dan terlebih dahulu dipersetujui oleh MPAG.
5. Memastikan kupon letak kereta mempunyai ciri – ciri keselamatan yang tidak boleh ditiru atau dipalsukan.
6. Menghantar bekalan kupon tempat letak kereta sebanyak tiga kali penghantaran mengikut kuantiti Pesanan Kerajaan (*Local Order*) atau sekurang – kurangnya 12,500 buku setiap pesanan / penghantaran. Penghantaran bekalan adalah sebanyak tiga (3) kali dalam tahun 2024. Kuantiti bekalan kupon letak kereta boleh ditambah berdasarkan keperluan pihak MPAG pada kadar harga sebagaimana yang telah dipersetujui.
7. Kupon letak kereta yang mempunyai kesilapan cetakan pada kupon sehingga boleh menyebabkan kupon tersebut tidak boleh digunakan atau kesukaran menggores kupon letak kereta hendaklah digantikan dengan kupon letak kereta yang baru tanpa dikenakan sebarang kos tambahan.
8. Pembekal bersetuju dengan harga yang telah dinyatakan dalam sebut harga. Pihak MPAG tidak akan bertanggungjawab sekiranya harga yang telah dipersetujui di bawah harga kos semasa pengeluaran/percetakan bagi pihak pembekal. Sebarang perubahan harga selepas perjanjian ditandatangani tidak akan dilayan.
9. Pembekal yang berjaya adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 Kerajaan Malaysia bagi setiap maklumat yang diperolehi sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa.
10. Memastikan MPAG sentiasa dilepaskan daripada apa-apa tuntutan pihak ketiga yang terbabit akibat daripada aktiviti-aktiviti atau perbuatan Pembekal.
11. Sentiasa mematuhi arahan atau syarat yang diarahkan oleh MPAG dari semasa ke semasa.

JADUAL KADAR HARGA

PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON LETAK KERETA BERGORES UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2024

Bil.	Perihal Bekalan/Perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
1.	<p>BEKALAN PERCETAKAN</p> <p>Kupon Tempat Letak Kereta</p> <p>1.1. Kertas berkilat saiz 76mm x 203mm atau bersesuaian dengan saiz kupon tempat letak kereta</p> <p>1.2. Kerja seni reka bentuk (<i>artwork design</i>) kupon letak kereta</p> <p>1.3. Logo MPAG dengan watermark</p> <p>1.4. Percetakan warna depan dan belakang</p> <p>1.5. Bahan (material) jenis Artpaper atau setaraf dengannya</p> <p>1.6. Bahan gores pada kupon tahan lasak dan kalis air</p> <p>1.7. Nombor siri kupon tempat letak kereta hendaklah mengikut turutan pada setiap kupon yang dicetak</p> <p>1.8. Mempunyai ciri-ciri keselamatan khas</p> <p>1.9. Tempoh sah kupon adalah 3 tahun bermula tahun 2024 atau tahun percetakan</p> <p>1.10. 1 buku kupon mempunyai 10 keping kupon dengan nilai muka dan 1 keping muka depan bertingkap untuk nombor siri kupon</p> <p>1.11. 1 kotak kupon bersamaan 250 buku kupon</p> <p>1.12. Kupon tamat tempoh atau kesilapan percetakan tidak boleh dihantar atau diserahkan pada MPAG</p> <p>1.13. Penghantaran bekalan adalah sebanyak tiga (3) kali dalam tahun 2024</p> <p>Contoh Kupon Tempat Letak Kereta MPAG (Rujuk Lampiran C1)</p>	Buku	37,500		
	<p align="center">JUMLAH KESELURUHAN TANPA CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)</p>				
	<p align="center">CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)</p>				
	<p align="center">JUMLAH KESELURUHAN DENGAN CUKAI CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)</p>				

LAMPIRAN D

MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

Segala butir dilampirkan ini hendaklah diisi oleh penyebut harga dengan betul dan lengkap dan dikembalikan bersama-sama dengan sebut harga. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan sebut harga ini ditolak atau / dan tidak dipertimbangkan.

LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
.....
3. No. Pendaftaran Syarikat:
4. No. Telefon/No. Fax :
5. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia:
No. Pendaftaran :
Tempoh Sah Laku :
6. Pendaftaran Taraf Bumiputera dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika ada) :
No. Pendaftaran :
Tarikh Tamat :
7. Pendaftaran SST dengan Kastam Diraja Malaysia (jika ada)
No. Pendaftaran :
Tarikh Daftar :

8. Pengalaman dalam perkhidmatan pembekalan kupon letak kereta Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2021, 2022 dan 2023

BIL	NAMA KEMENTERIAN/ AGENSI / PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN DILAKSANAKAN	LOKASI
1			
2			
3			
4			
5			

*-Sila sertakan Salinan Surat Setujuterima / Pesanan Kerja bagi menyokong maklumat ini

9. Bersama-sama ini disertakan satu salinan yang telah disahkan atau surat-surat akuan seperti yang tersebut dibawah ini:-
- i) Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Sijil Penubuhan Syarikat
 - ii) Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan Kementerian Kewangan Malaysia

Saya mengakui semua keterangan yang diberikan adalah benar.

.....

Tandatangan

.....

Cop Rasmi Syarikat

Nama :

No. Kad Pengenalan :

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA
NO SEBUT HARGA : MPAG/SH(B)10/2024

Yang DiPertua
Majlis Perbandaran
Alor Gajah
Lebuh AMJ
78000 Alor Gajah
MELAKA

Tuan,

PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BEKALAN KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2024

Di bawah dan tertakluk kepada arahan Penyebutharga, syarat –syarat sebutharga dan spesifikasi peralatan yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan bekalan tersebut bagi jumlah harga sebanyak Ringgit Malaysia

.....
(RM.....). Tempoh pembekalan kepada MPAG sebagaimana dalam Surat Setuju Terima. Tempoh penyempurnaan/penghantaran pembekalan tidak melebihi masa **satu (1) bulan** dari pesanan kerajaan dikeluarkan.

2. *Kami telah menyemak dan bersetuju mematuhi butir-butir penentuan dengan lengkap mengikut seperti yang dikehendaki ATAU *Kami tidak dapat mematuhi penentuan tuan dengan lengkap tetapi kami berminat untuk menyertai tawaran dengan butir-butir perubahan seperti lampiran berasingan berkembar.
3. Jika tawaran kami dipersetujui, kami aku janji bahawa semua pembekalan akan disempurnakan dalam tempoh yang telah ditetapkan selepas Surat Setuju Terima diterima oleh pihak kami.
4. Kami bersetuju bahawa tuan berhak menerima atau menolak mana-mana tawaran sama ada tawaran itu rendah, tinggi atau sama dengan lain-lain tawaran yang dikemukakan. Kami bersetuju bahawa tawaran ini sah selama Sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebutharga dan bersetuju melanjutkan tempoh sah tawaran jika dipohon secara bertulis oleh MPAG.

5. Kami mengesahkan bahawa kami telah menyemak dokumen-dokumen dan memperakui bahawa semua dokumen yang digunakan untuk penyediaan tawaran ini adalah salinan asal.

Bertarikh padaHaribulan2024

.....

(Tandatangan Penyebut Harga)

Nama Penuh :

No K/P :

Meterai atau Cop Syarikat

Alamat :

.....

(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :

No K/P :

Alamat :

*Potong yang tidak berkenaan

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

MPAG/SH(B)10/2024 - PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KUPON LETAK KERETA JENIS BERGORES UNTUK MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH BAGI TAHUN 2024

Saya, No. Kad Pengenalan

yang mewakili nombor Pendaftaran

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada manamana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing- masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan[Akta 574].
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.